

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN : 2

PR-1421-L03947

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tindakan yang dikenakan ke atas pemilik akaun media sosial yang didapati menghina institusi raja dan agama Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited di dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan ini perlulah mengambil kira kepelbagaian budaya dan agama di Malaysia.
2. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri - Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam salah laku tersebut.
3. Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa PDRM adalah antara instrumen perundangan khusus yang digunapakai oleh pihak Kerajaan bagi menangani kesalahan atau penyalahgunaan yang berupa provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta Institusi Beraja.

SOALAN NO : 2

4. Pendakwaan juga pernah dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, berdasarkan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang terkesan.

Tuan Yang Dipertua,

5. Pada masa kini, terdapat undang-undang yang boleh dikuatkuasakan untuk menangani gejala-gejala tersebut, namun langkah pengemaskinian serta penambahbaikan akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras peredaran semasa.

6. Selain usaha bersifat penguatkuasaan, pelbagai program berbentuk kesedaran di seluruh negara turut dijalankan oleh pihak Kementerian. Program yang dijalankan adalah bertujuan mendidik masyarakat dari aspek etika penggunaan media sosial. Program ini berhasrat untuk memupuk pengguna Internet agar lebih bertanggungjawab dan bersama-sama mengekang kandungan berunsur provokasi atau kandungan yang boleh menyentuh sensitiviti rakyat daripada terus disebar.